



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

S/K. KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.31 SK. 3(1)

18 Mac 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN
PELAKSANAAN DASAR DAN GARIS PANDUAN PROGRAM *OFFSET*
MALAYSIA KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan bersetuju agar Dasar Dan Garis Panduan Program *Countertrade* Kementerian Pertahanan yang berkuat kuasa sejak tahun 2005 dipinda kepada Dasar Dan Garis Panduan Program *Offset* Malaysia bagi membolehkan pelaksanaannya diperluaskan kepada semua Agensi Kerajaan. Pelaksanaan program *offset* bertujuan memberikan manfaat kepada ekonomi negara melalui antaranya mengurangkan kebergantungan kepada negara luar, mengurangkan aliran keluar mata wang negara dan membolehkan negara mengakses pasaran global serta pelaburan langsung asing. Syarikat/institusi tempatan terpilih akan mendapat pemindahan teknologi daripada *original equipment manufacturer* (OEM), hak harta intelektual (IPR), pelesenan teknologi, pakej kandungan tempatan (bahan mentah dan produk, tenaga kerja, perkhidmatan serta teknologi tempatan) serta kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan di antara OEM/institusi asing dengan institusi tempatan.

3. Dengan berkuat kuasa arahan ini, semua Agensi Kerajaan hendaklah memasukkan keperluan *offset* dalam pelawaan iklan dan dokumen tender bagi memastikan semua syarikat luar negeri yang ingin menyertai perolehan Kerajaan akan turut menawarkan cadangan *offset*. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk mengenal pasti perolehan yang memenuhi prinsip dan syarat-syarat *offset* dan seterusnya memastikan program *offset* dilaksanakan oleh semua Agensi di bawah seliaannya dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Semua Agensi Kerajaan juga hendaklah memuat naik maklumat berkaitan program *offset* ke dalam sistem *Government Procurement Information Systems* (GPIS) bagi pengumpulan data dan pemantauan. Bagi memastikan pelaksanaan program *offset* ini memberikan manfaat yang maksimum kepada negara, semua Agensi Kerajaan hendaklah memuktamadkan keperluan *offset* lebih awal sebelum pelawaan tender dikeluarkan.


4. Semua Agensi Kerajaan setelah melaksanakan perancangan perolehan yang tertakluk kepada program *offset* hendaklah membentangkan senarai perancangan *offset* tersebut kepada Jawatankuasa Eksekutif *Offset* Malaysia (MOEC) di Kementerian Kewangan, sebelum perolehannya dilaksanakan. MOEC akan bersidang mengikut keperluan dan mempunyai bidang kuasa sebagaimana ditetapkan dalam Dasar dan Garis Panduan Program *Offset* Malaysia. Semua Agensi Kerajaan juga dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa *Offset* dan Unit Pengurusan *Offset* masing-masing untuk menjalankan tanggung jawab dan bidang tugas yang digariskan di dalam garis panduan ini. Bagi Agensi Kerajaan yang tidak mempunyai Unit Pengurusan *Offset* hendaklah menggunakan perkhidmatan *Technology Depository Agency (TDA)* yang telah dilantik oleh Kementerian ini untuk tujuan tersebut. Semua Agensi Kerajaan tidak dibenarkan menggunakan perkhidmatan selain daripada *TDA* untuk melaksanakan pengurusan program *offset* tersebut. Dasar Dan Garis Panduan Program *Offset* Malaysia edisi Bahasa Malaysia seperti di **Lampiran 1** dan edisi Bahasa Inggeris adalah seperti di **Lampiran 2**.

5. Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh surat ini ditandatangani. Dengan berkuat kuasa SAP ini, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1994 mengenai Pelaksanaan Dagangan Timbal Balas Di Dalam Perolehan Kerajaan bertarikh 27 Julai 1994 dan Dasar Dan Garis Panduan Program *Countertrade* Kementerian Pertahanan bertarikh 4 Februari 2005 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri